

29  
TAHUN

Kekal No. 1 Di Pasaran!

15 JUN 2013  
Bil: 644 RM5.00

inspirasi remaja kini

# remaja



AB  
Audit Bureau  
of Circulations

**HANEZ  
SURAYA**

KEJAR GELARAN  
PELAKON  
VERSATIL

**PARAH!  
BEKAS  
KEKASIH  
SAHABAT  
GILA  
BAYANG...**

**SPECIES FAMOUS:**

# KASANOVA ALAM MAYA

**HATI-HATI JANGAN SAMPAI TERJERAT!**

AISEYYYY...  
KUNINGNYA

GIGI DIA!

**OBSESKAH  
KAMU PADA  
CINTA?**

GEGERAN GAYA

# SI ROCK *Chic*

**5 CARA "BELI"  
JIWA  
LELAKI**



12

9 771675 045054

# Chargers Outfitters Lancar Edisi Terhad Ironman 3

**C**hargers Outfitters, satu jenama pakaian yang terkemuka di Malaysia, baru-baru ini telah melancarkan koleksi terhad Ironman 3 berdasarkan watak-watak ikonik komik Marvel sempena pelancaran filem blockbuster tersebut.

Koleksi ini telah dilancarkan dengan pertunjukan fesyen bersama-sama dengan tayangan khas filem 'Ironman 3' di Premier Class GSC Signature, The Gardens Mid Valley Megamall Kuala Lumpur.

Koleksi ini memperkenalkan *T-shirt* berkolar bulat dengan cetakan grafik, seluar pendek, kemeja polo dan jaket dalam pelbagai warna yang terang dan berani seperti kuning, merah dan hitam. Semua koleksi ini sudah berada di gedung utama Parkson dan Outfitters Studio.




Koleksi ini bernilai dari RM49.90 sehingga RM79.90

Model memperagakan rangkaian jenama dan produk dari Chargers Outfitters.



Rekaan terbaharu ini juga sesuai digayakan buat musim lebaran mahupun ke pejabat.



## jenama 'DAPHNE' Kini Di Sunway Pyramid

**J**enama kasut dan beg terkemuka DAPHNE dari China, kini telah melebarkan sayap mereka di Malaysia dengan pembukaan butik terbaharu di Sunway Pyramid, Petaling Jaya. Memperagakan koleksi kasut untuk Musim Bunga/Panas 2013 serta gantungan beg khusus menyerlahkan sisi kewanitaan.

Mereka turut mengetengahkan konsep 'Approachable' dan 'Enhancing' sebagai kombinasi ideal buat si gadis agar tampil anggun bak fesyenista. DAPHNE terbang ke negara ini setelah mendapat maklum balas positif daripada pencinta jenama mereka.

Pada tahun 2010 mereka telah dianugerahkan sebagai 'China Most Beautiful Footwear' oleh majalah fesyen ELLE dan kini telah hampir 17 tahun di dalam industri fesyen China.

Jadi apa lagi, ayuh kita beramai-ramai singgah ke butik DAPHNE hari ini juga!

## Magis Orked Jovian Mandagie

**L**akaran identiti bunga orkid yang *chic* kini bakal diadaptasikan buat pencinta rekaan Jovian Mandagie.

Busana kreatif hasil kerjasama Tesco Stores Malaysia Sdn Bhd (Tesco Malaysia) ini adalah satu legasi erat yang sebelum ini dipelopori oleh Rizalman Ibrahim dan kini tibalah masa untuk Jovian melangkah ke lokasi yang sama.

Ilham 24 pasang busana anggun ini sangat serasi buat penantian Syawal yang bakal menjelma. Menjadikan tona lembut orkid dalam menzahirkan nikmat romantis, ia hadir bersama potongan dan motif bunga tampal menambah seri elegan si pemakai. Menawarkan harga serendah RM119.00, rekaan hebat ini bisa dimiliki bermula 24 Jun ini di 20 lokasi pasar raya Tesco yang terpilih.

Kehadiran selebriti seperti Thanuja dan Jasmin Hani memeriahkan lagi acara pembukaan butik ini.

Orked by Jovian Mandagie menggunakan sepenuhnya *high quality poly blend* dan *sifon* sebagai pilihan koleksi ini.

